

Perundangan pengurusan rekod awam

1

SEJARAH

- 1 Dis 1957, "Public Records Office" ditubuhkan Tuan Haji Mubin Sheppard dilantik sebagai 'Keeper of Public Records'. Sebelum itu telah ada usaha Inggeris utk tubuhkan Pejabat Perkhidmatan Rekod Persekutuan.
- Ogos 1959 sebahagian fail sulit, rahsia dan terbuka mengenai Gebenor Jeneral Malayan Union dipindahkan dari Singapura ke Pejabat Kolonial, London. (Hingga sekarang banyak rekod Negara di simpan di merata tempat terutama London.

Otoriti Perundangan Arkib

2

1966 – PENGUATKUASAAN AKTA ARKIB NEGARA, 1966
BERSAMA PEKELILING AM NO. 23/1972
MEMBERI KUASA PERUNDANGAN KEPADA ARKIB NEGARA
MEMELIHARA REKOD AWAM DAN ARKIB JUGA
PERKENALKAN FORMAT KULIT FAIL KERAJAAN
ARKIB BERKEMBANG KEPADA CAWANGAN ARKIB NEGARA
2003- AKTA ARKIB NEGARA 2003 [AKTA 629] DIGUBAL
2 PERATURAN DI PERKENAL

Fungsi Arkib (Dari laman Web Arkib)

3

- Memberi khidmat Nasihat kepada jabatan kerajaan – Pengurusan Rekod Awam
- Mengesan, Mengumpul, Menyimpan, Memelihara bahan maklumat yg mempunyai nilai Kebangsaan
- Menjadi dan memberi kemudahan rujukan
- Menjalankan Program Penyelidikan
- Menyebarkan ilmu dan maklumat yang mempunyai Nilai Sejarah

Jabatan Arkib Negara – Akta Arkib Negara, 2003

4

JANM – SEBUAH AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DI WUJUDKAN SECARA PENTADBIRAN. ASALNYA BERFUNGSI SECARA PENTADBIRAN.

KEMUDIAN DIBERI “TAMBAHAN” FUNGSI PERUNDANGAN OLEH AKTA 1966 DAN KEMUDIANNYA AKTA 2003 [AKTA 629]

KINI –

JANM MEMPUNYAI

- (i) FUNGSI PENTADBIRAN
- (ii) FUNGSI PERUNDANGAN

Ruanglingkup Akta 629

5

- Tujuan:
 - Dinyatakan dalam Mukaddimah/Tajuk Panjang
 - Mewujudkan: (Arkib Awam dan Rekod Awam)
 - Memberi Fungsi perundangan kpd Arkib (Memperoleh, menjaga, pemeliharaan, penggunaan dan Pengurusan) Arkib Awam dan Rekod Awam.
- Nota: Inilah juga “ruanglingkup” Akta 629. Bermaksud, *fungsi “menjadi dan memberi kemudahan rujukan, Program Penyelidikan, Menyebarkan ilmu dan maklumat yang mempunyai Nilai Sejarah”* adalah fungsi Pentadbiran (tidak menjadi fungsi perundangan)

Anatomi Akta 629

6

- Hanya terdiri drp 8 bahagian, dengan 48 Seksyen.
- Fokus Akta
 - (i) Mengiktiraf entiti Arkib Negara secara Perundangan
 - (ii) Menetapkan struktur Fungsional Arkib Negara – Ketua Pengarah, Pakar Rujuk, Lembaga Penasihat. Dll (Pusat Rekod, Pusat rekod Agensi, Pusat Rekod Limbo, Arkib menteri, Arkib Memorial dan Arkib Negeri.
 - (iii) Fungsi dan kuasa Perundangan khusus kpd Arkib
 - (iv) Peraturan Perundangan (*Legal rules*)(Dalam Bahagian iv)

Mekanisme ringkas Akta 629

7

- Pemakaian

- Maksud – sasaran Akta secara geografi, entiti, efektivitis
 - × (Sem. Malaysia, WPKL, WP Labuan, WP Putrajaya)
 - Sabah/Sarawak – Rekod Awam Kerajaan yg wujud selepas Hari Malaysia shj.
 - × Akta telah berkuatkuasa
 - Bukan kuasa “tunggal” (Lihat seksyen 1(4) Akta.
 - × Fungsi kepada Arkib Negara sahaja
 - × Hanya kepada Arkib/rekod di pejabat Awam sahaja

Perkara signifikan mengenai Akta 629

8

- Tafsiran : Konsep/terminologi yg mempunyai maksud seperti yang dinyatakan (ditafsirkan) sahaja walaupun dalam penggunaan biasa, terminologi itu bermaksud lebih luas atau lebih sempit.
- Tafsiran yang signifikan:
 - × Arkib = *rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya;*
 - × Arkib Awam = Rekod Awam+ rekod persendirian yg pada pendapat KP ada nilai kebangsaan atau sejarah.
- Dgn itu: Sekop Akta hanya kpd Arkib Awam sahaja. Eg. Kajian silsilah keluarga individu (Arkib, tapi x di dalam lingkungan Akta)

Tafsiran lain (yg signifikan)

9

- Pejabat Awam; *ertinya sesuatu pejabat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau sesuatu pejabat mana-mana kerajaan tempatan, pihak berkuasa berkanun atau perusahaan Kerajaan.*
- Tafsiran ini penting kerana:
 - Konsep Rekod Awam Persekutuan (seksyen 3(2))
 - Efektivitis dibawah seksyen 25 (1)
 - (1) *Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah, memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam yang dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu.*

Hati Akta

10

- Hanya dari seksyen 25 – seksyen 28 .
 - Rekod Awam tidak boleh di musnahkan melainkan mendapat kebenaran bertulis dari KP.
 - Pemusnahan – Melalui satu Mekanisma yang terperinci
(Terdapat peruntukan khusus dan juga Peraturan Khusus yang telah dibuat iaitu : Peraturan-Peraturan Arkib Negara (Penetapan Borang-Borang bagi Pelupusan Rekod Awam) 2008. P.U. (A) 377.
(Di perbuat mengikut kuasa yang diberikan oleh seksyen 45)

sambungan

11

- 25(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) atau yang tidak menjadikan tersedia mana-mana rekod awam sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

sambungan

12

- Seksyen 28 Rekod awam (Dalam kategori (a) – (c) hendaklah disimpan, dijaga dibawah kawalan Arkib Negara.
- Inilah *Legal Rule* utama dalam Akta Arkib Negara.
- Kuasa menguatkuasakan *Legal rule* ini terletak hak kepada Arkib negara
- Bagaimanapun tidak dinyatakan pihak yg perlu menjalankan penguatkuasaan setelah "*legal rule*" ini tidak dipatuhi.
- Realiti- Kuasa ini juga perlu dilaksanakan oleh Arkib Negara dengan bantuan pihak Polis. Pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian

13